

TARIKH : 15 JULAI 2020  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 15

### Kerajaan tubuh Majlis Kemakmuran Bumiputera perkasa pembangunan sosioekonomi bumiputera

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang bakal dijadikan platform tertinggi dalam usaha memperkasa pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, MKB berkenaan akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh Muhyiddin semalam.

“Pewujudan MKB ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepat pemerikasaan ekonomi bumiputera melalui usaha peningkatan kapasiti dan keupayaan merentas pelbagai program,”



**MUSTAPA**

katanya di sini semalam.

Mustapa berkata, mesyuarat semalam juga bersetuju untuk memperkukuhkan peranan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dalam dua aspek utama, iaitu menjadi badan koordinasi di peringkat tertinggi dengan mewujudkan jalinan dan rangkaian bersepadu serta komprehensif bersama kesemua pemegang taruh merentasi pelbagai sektor bagi memantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Selain itu, peranan Teraju akan diperkukuhkan bagi memperkemas dan menambah baik pangkalan data berpusat bumiputera bagi mengumpul maklumat terkini, lengkap dan berkualiti bagi perancangan dasar dan intervensi strategik.  
- *Bernama*